



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 18 APRIL 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	MAFI TAMBAH BAIK DASAR AGROMAKANAN, BH-ONLINE MAFI TAMBAH BAIK DASAR AGROMAKANAN, SH-ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN MALAYSIA (MAFI)
3.	AGROBANK UMUM 36 PELANGGAN PEMENANG WANG TUNAI RM 360,000.00, MSN.COM-ONLINE	AGROBANK
4. 5. 6. 7. 8. 9. 10. 11. 12. 13.	TUTUP OPERASI LADANG BABI LANGGAR SYARAT LESEN, NEGERI P.PINANG.KEDAH,SH-35 SAM GESA TINDAKAN TEGAS TANGANI ISU PENTERNAK BABI ABAI PERATURAN,LOKAL,HM-20 BERNAS PERUNTUK RM100,000 UNTUK POGRAM IKHLAS RAMADHAN, NEGARA,KOSMO-16 BERNAS PERUNTUK RM100,000 PROGRAM IKHLAS RAMADAN, NASIONAL,BH-9 BERNAS GIVES RM100,000 TO THE NEEDY, NEWS IN BRIEF,NST-10 AGENCY TO DISTRIBUTE RM1M FREE FISH, NEWS OM BRIEF, NST-10 TAKTIK LICIK MENYAMAR KAPAL KARGO, NEGARA,KOSMO-14 KESATUAN EROPAH KECAM TINDAKAN NELAYAN VIETNAM,NEGARA, KOSMO-14 MMEA SEIZES 20 "BUBU NAGA" FISH TRAPS IN PERLIS, NEWS, THE SUN-5 MARITIM ZON KUALA PERLIS RAMPAS 20 UNIT BUBU NAGA, SH-ONLINE	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/4/2022	BERITA HARIAN	ONLINE	

MAFI TAMBAH BAIK DASAR AGROMAKANAN

April 17, 2022 @ 10:02pm



Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Dr Seri Ronald Kiandee (kanan) beramah mesra dengan sebahagian asnaf pada majlis penyampaian sumbangan kepada masjid dan surau kawasan Sugut di Pejabat Daerah Kecil Paitan, Sabah, hari ini. - Foto BERNAMA

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Dr Seri Ronald Kiandee (kanan) beramah mesra dengan sebahagian asnaf pada majlis penyampaian sumbangan kepada masjid dan surau kawasan Sugut di Pejabat Daerah Kecil Paitan, Sabah, hari ini. - Foto BERNAMA

PAITAN: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan menambah baik dasar agromakanan sedia ada bagi memastikan kemampanan bekalan makanan negara berasaskan faktor yang mencabar pengeluaran bahan makanan negara.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, berkata langkah itu penting bagi merencanakan sektor berkenaan menerusi pertumbuhan industri, selain memperkenalkan dasar baharu yang akan menggalakkan penanaman tanaman yang sebelum ini tidak diberi tumpuan.

"Antaranya penanaman jagung bijirin untuk menampung kekurangan bekalan dan kenaikan kos import.

"MAFI sentiasa melihat dan mengkaji dasar sedia ada dan menumpukan penambahbaikan dasar, maka kita berharap pembukaan semula kegiatan ekonomi (dalam fasa peralihan negara ke endemik) akan terus merancakkan sektor agromakanan," katanya di sini, malam ini.

Beliau ditemui pemberita pada majlis berbuka puasa dan penyampaian sumbangan kepada surau dan masjid di Sugut dekat sini.


Ronald berkata, kementeriannya sentiasa menggalakkan pertumbuhan industri agromakanan dengan Dasar Agromakanan Negara 2.0 akan menumpukan pemodenan sektor agromakanan serta pertumbuhan industri hiliran menjelang 10 tahun akan datang. – BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/4/2022	SINAR HARIAN	ONLINE	

MAFI TAMBAH BAIK DASAR AGROMAKANAN

| 17 April 2022



Ronald Kiandee (dua, kiri) menyampaikan sumbangan kepada wakil masjid dan surau kawasan Sugut pada majlis penyampaian sumbangan tersebut di Pejabat Daerah Kecil Paitan, pada Ahad. - Foto Bernama 

PAITAN - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan menambah baik dasar agromakanan sedia ada bagi memastikan kemampuan bekalan makanan negara berasaskan faktor-faktor yang mencabar pengeluaran bahan makanan negara, kata menterinya Datuk Seri Dr Ronald Kiandee.

Beliau berkata, langkah itu juga penting bagi merencanakan lagi sektor tersebut melalui pertumbuhan industri selain memperkenalkan dasar baharu yang akan menggalakkan penanaman tanaman yang sebelum ini tidak diberi tumpuan.

"Antaranya adalah penanaman jagung bijirin untuk menampung kekurangan bekalan dan juga kenaikan kos import.

"MAFI sentiasa melihat dan mengkaji dasar sedia ada dan menumpukan penambahbaikan dasar...jadi, kita berharap pembukaan semula kegiatan ekonomi (dalam fasa peralihan negara ke endemik) akan terus merencanakan sektor agromakanan," katanya di sini malam Ahad.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita pada majlis berbuka puasa dan penyampaian sumbangan kepada surau dan masjid di Sugut dekat sini.

Ronald berkata, kementeriannya sentiasa menggalakkan pertumbuhan industri agromakanan dengan Dasar Agromakanan Negara 2.0 akan menumpukan pemodenan sektor agromakanan serta pertumbuhan industri hiliran menjelang 10 tahun akan datang. - Bernama

Artikel Penuh : <https://www.sinarharian.com.my/article/198474/BERITA/Nasional/MAFI-tambah-baik-dasar-agromakanan>

© 2018 Hakcipta Terpelihara Kumpulan Karang kraf

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/4/2022	MSN.COM	ONLINE	

AGROBANK UMUM 36 PELANGGAN PEMENANG WANG TUNAI RM360,000



ANTARA pemenang Kempen Ar-Rahnu Gadai & Menang Agrobank.

AGROBANK mengumumkan 36 pelanggan sebagai pemenang hadiah wang tunai yang berjumlah RM360,000 melalui Kempen Ar-Rahnu Gadai & Menang yang berlangsung selama 12 bulan antara 1 November 2019 dan 31 Oktober 2020.

Pemenang kempen yang pada mulanya ditawarkan hadiah Pakej Umrah (bagi pelanggan Islam) dan Pakej Percutian (bagi pelanggan bukan Islam), kini akan menerima hadiah wang tunai berjumlah RM10,000 setiap seorang menerusi satu program cabutan bertuah yang diadakan dalam tempoh kempen.

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, pihak pengurusan Agrobank telah memutuskan untuk mengubah bentuk hadiah bagi kempen ini dengan mengambil kira situasi pandemik Covid-19 sepanjang tahun 2020 dan 2021 serta peralihan ke fasa endemik yang bermula 1 April lalu.

"Kami menukar hadiah kerana kami faham dan pertimbangkan kekangan serta cabaran kewangan atau masalah kesihatan yang mungkin dihadapi pelanggan kami.

"Mungkin dengan perubahan masa, hadiah berupa wang tunai sebanyak RM10,000 akan lebih bermanfaat untuk memenuhi keperluan semasa mereka," katanya dalam kenyataan.

Menurutnya, pihaknya juga mengumumkan bahawa Agrobank juga telah berjaya mencapai sasaran tahunan bagi produk Ar-Rahnu menerusi kempen ini.

"Kami mengucapkan tahniah kepada kesemua 36 pelanggan yang bergelar pemenang, mereka ini adalah sebahagian daripada 68 peratus pelanggan yang layak menyertai kempen ini," katanya.

Menurutnya, bagi tahun 2022, Agrobank akan memperkenalkan kempen Ar-Rahnu baharu yang bermula April ini, dikenali sebagai Kempen Pelanggan Rujukan Ar-Rahnu di mana pelanggan akan menerima ganjaran wang tunai bagi setiap permohonan rujukan yang berjaya.

Pembiayaan Ar-Rahnu Agrobank ini menggunakan konsep Tawarruq (Komoditi Murabahah) dan Rahn (Cagaran) sebagai kontrak asas Syariah di mana ia menawarkan kadar keuntungan yang kompetitif kepada pelanggan, tertakluk kepada syarat kelayakan yang minimum, khusus bagi kegunaan peribadi, modal perniagaan atau lain-lain aktiviti berunsurkan pertanian atau bukan pertanian yang dapat membangunkan sosioekonomi masyarakat.

18/4/2022

SINAR
HARIANNEGERI
P. PINANG.
KEDAH

S5

SAM sokong kerajaan Pulau Pinang bertegas terhadap penternak yang ingkar

Oleh SYAJARATULHUDA
MOHD ROSLI

GEORGETOWN

Sahabat Alam Malaysia (SAM) menyokong dan menyambut baik tindakan Kerajaan Pulau Pinang terhadap pengusaha ladang babi yang tidak mematuhi Enakmen Penternakan Babi 2016 sehingga menyebabkan berakunya pencemaran bau dan sumber air tercemar.

Presidennya, Meenakshi Raman berkata, pihaknya menyokong langkah yang diambil iaitu menutup operasi dan merobohkan ladang-ladang yang tidak mematuhi syarat-syarat lesen.

Menurutnya, langkah itu dilihat paling berkesan bagi menyelesaikan masalah pencemaran

alam sekitar yang berpunca daripada ladang babi.

"Bermula Januari tahun ini, kerajaan negeri akan menutup operasi dan merobohkan ladang-ladang yang tidak mematuhi syarat-syarat lesen. Kita amat menyokong langkah ini," katanya dalam satu kenyataan pada Ahad.

Katanya, kenyataan yang dikeluarkan Exco Agroteknologi dan Keselamatan Makanan, Pembangunan Luar Bandar serta Kesihatan, Dr Norlela Ariffin pada 11 April lalu tentang kebersihan sungai harus dipandang serius.

"Beliau mengatakan antara kriteria utama yang perlu dipatuhi oleh pengusaha ladang adalah kandang mestilah tertutup dan mempunyai pengurusan sisa kumbahan ladang. Beliau juga

Tutup operasi ladang babi langgar syarat lesen



Keadan sungai yang tercemar disebabkan oleh pembuangan sisa daripada kandang babi.

Veterinar (IPV); Jabatan Alam Sekitar (JAS), Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) bertindak tegas terhadap penternak babi yang tidak mematuhi undang-undang.

sisa kumbahan yang tidak terawat ke dalam saliran sedia ada sehingga mengeluarkan bau yang tidak menyenangkan," katanya. Sehubungan itu, SAM menggesa pihak berkuasa berkenaan antaranya Jabatan Perkhidmatan

menyatakan ramai pengusaha yang tidak ambil peduli tentang syarat ini. "Hasil tinjauan SAM sebelum ini mendapati, ada kalangan pengusaha ladang babi tanpa rasa bersalah melepaskan

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/4/2022	HARIAN METRO	LOKAL	20

SAM gesa tindakan tegas tangani isu penternak babi abai peraturan

Georgetown: Sahabat Alam Malaysia (SAM) gesa pihak berkuasa tempatan (PBT) dan agensi berkaitan di Pulau Pinang bertindak tegas terhadap penternak babi yang tidak mematuhi undang-undang.

Ia susulan pengumuman kerajaan negeri mengenai

tindakan tegas terhadap penternak babi yang tidak mematuhi peraturan penternak babi 2016 selangka menyebabkan berjangkitnya pencemaran bau dan sumber air tercemar.

Sehubungan itu Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Jabatan Alam Sekitar (JAS),

Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSPP) dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) perlu lebih tegas terhadap penternak babi terbabit.

Presiden SAM Meenakshi Ramani berkata, bermula Januari lalu, dilaporkan kerajaan negeri akan menutup operasi dan merobokkan la-

dang yang tidak mematuhi syarat lesen.

"Langkah berkenaan adalah paling berkesan bagi menyelesaikan masalah pencemaran alam sekitar dari ladang babi.

"Selain mencemar parit, sungai, laut serta persekitaran kawasan, operasi la-

dang babi yang melanggar peraturan menyebabkan kacau ganggu kepada penduduk dan orang awam," katanya.

Terdahulu, Exco Agroteknologi dan Keselamatan Makanan, Pembangunan Luar Bandar serta Kesihatan, Dr

Norlela Ariffin, meherusi

kenyataan pada 11 April lalu berkata antara kriteria utama yang perlu dipatuhi penternak ladang ialah kandang mestilah tertutup dan mempunyai pengurusan sisa kumbahan ladang.

Namun, katanya, ramai penternak yang tidak ambil peduli tentang syarat itu.

18/4/2022

KOSMO

NEGARA

16

Bernas peruntuk RM100,000 untuk program Ikhlas Ramadan

KANGAR - Padiberas Nasional Berhad (Bernas) memperuntukkan kira-kira RM100,000 untuk program tanggungjawab sosial korporatinya (CSR), Ikhlas Ramadan di tiga negeri sepanjang Ramadan kali ini.

Ketua Jabatan Operasi Kilang Bernas, Mohamad Solhi Mohd. Saleh berkata, program Ikhlas Ramadan di Perlis adalah yang pertama untuk kali ini dan akan

diteruskan di Selangor pada 20 April serta Kelantan.

Katanya, ia merupakan acara tahunan sejak 2016 bagi berkongsi kegemilangan serta menceria-kan golongan kurang berkemampuan seperti anak-anak yatim, ibu tunggal dan asnaf.

"Pada program di Selangor kita akan mengagihkan bubur lambuk serta menyampaikan sumbangan kepada asnaf di mas-

jid," katanya di sini semalam

Beliau berkata demikian pada program Ikhlas Ramadan di Masjid Al-Firdaus di Kampung Padang Besar Selatan di sini, kelmarin. Turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Nurul-hisham Yaakob.

Sementara itu, mengulas mengenai program berkenaan, beliau memberitahu, selain meny-

ampalkan sumbangan berbentuk zakat wakalah dan meraikan asnaf dalam majlis berbuka puasa, golongan asnaf juga boleh memilih pakaian terpakai secara percuma hasil daripada sumbangan warga dan rakan Bernas.

"Kami mengumpulkan sumbangan pakaian dan memilih yang masih elok untuk diberikan kepada golongan asnaf yang terdiri daripada petani untuk men-

ceriakan lagi sambutan Hari Raya Aidilfitri mereka.

"Selain itu, untuk hari ini, kami juga telah membawa 40 orang anak asnaf pesawah untuk membeli baju raya, selain menyampakan zakat wakalah kepada 80 orang asnaf" ujarnya.

Tambahnya, 10 masjid di negeri ini juga dipilih untuk menerima insentif masjid dengan nilai keseluruhan sebanyak RM15,000.



Mohamad Solhi (tiga dari kiri) dan Nurulhisham (empat dari kiri) bersama wakil pengurusan masjid terpilih Perlis serta wakil asnaf dalam Program IKHLAS Ramadan di Masjid al-Firdaus, Kampung Padang Besar Selatan, Kuala Perlis. (Foto Alzat Sharif/BH)

BERNAS peruntuk RM100,000 program IKHLAS Ramadan

Kangar: Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) memperuntukkan hampir RM100,000 dalam usaha organisasi berkenaan menyantuni asnaf serta mengimarahkan program di masjid seluruh negara pada Ramadan ini.

Ketua Jabatan Operasi Kilang BERNAS, Mohamad Solhi Mohd Saleh, berkata program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) menerusi IKHLAS Ramadan yang dianjurkan pihaknya membawa ke Perlis sebagai lokasi pertama program CSR berkenaan.

"Melalui program IKHLAS Ramadan ini, kita turut memberi sumbangan dengan peruntukkan RM15,000 yang dibahagikan kepada 10 masjid di seluruh kariah negeri Perlis ini.

"Pada masa sama, kita tidak melupakan asnaf yang kurang bernasib baik apabila seramai 80 asnaf termasuk 40 anak dalam kalangan petani sawah padi turut diraikan menerusi pemberian sumbangan kepada mereka.

"Selain itu juga, bagi menghargai jasa petani sawah padi yang banyak menyumbang bakti kepada pembangunan BERNAS di Perlis, seramai 150 petani sawah padi di sekitar kariah ini

turut diraikan dalam majlis berbuka puasa ini," katanya pada Program IKHLAS Ramadan di Masjid al-Firdaus, Kampung Padang Besar Selatan di Kuala Perlis, di sini, kelmarin.

Pada majlis itu, seramai 150 pesawah dari Komuniti Industri Tani BERNAS (KITA) turut memeriahkan majlis berbuka puasa yang dilaksanakan itu.

Katanya, program CSR ini sudah dianjurkan sejak 2016 dan ia salah satu inisiatif BERNAS bagi berkongsi kegembiraan serta menceriaikan golongan kurang berkemampuan seperti anak yatim, ibu tunggal serta golongan asnaf.

"Segala program yang dilaksanakan ini hasil zakat wakalah yang diterima oleh kita sebanyak RM50,000 sebagai tujuan melaksanakan program ini dan agihan kepada masjid serta golongan kurang bernasib baik di Perlis ini.

Terdahulu, Mohamad Solhi su- di menyampaikan sumbangan wang kepada 10 masjid selain 80 penduduk asnaf dalam kalangan kariah Masjid al-Firdaus, di sini.

Turut hadir dalam majlis berkenaan adalah Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Simpang Empat, Nurulhisham Yaakob.



Padiberas Nasional Bhd Rice Mill Operations Department head Mohamad Solhi Mohd Saleh (front row, third from left) and Simpang Empat assemblyman Nurulhisham Yaakob (front row, fourth from left) meeting Ikhlas Ramadan programme recipients in Kangar, Perlis, on Saturday. PIC BY AIZAT SHARIF

Bernas gives RM100,000 to the needy

KANGAR: Padiberas Nasional Bhd (Bernas) has allocated almost RM100,000 this year for its Ikhlas Ramadan Corporate Social Responsibility (CSR) programme.

Bernas Rice Mill Operations Department head Mohamad Solhi Mohd Saleh said the programmes aimed to help needy Muslims and enliven mosques for Ramadan.

"Through the Ikhlas Ramadan programme, we will also contribute RM15,000 to be distributed among all 10 mosques in Perlis.

"We also provided gifts to 80 underprivileged children, including 40 children among rice farmers."

He said this when attending an iftar with 150 rice farmers at Masjid al-Firdaus, Kampung Padang Besar Selatan in Kuala Perlis, here, on Saturday.

Present was Simpang Empat assembly-

man Nurulhisham Yaakob.

Solhi said the programme had been organised since 2016 and it was one of the company's initiatives to bring cheer to the less fortunate, such as orphans and single mothers.

"This year, we are focusing on Ikhlas Ramadan to show our appreciation to padi farmers.

"Recipients consist of padi farmers' families and they will receive donations in the form of Raya outfits for their children as well as basic necessities.

"We will continue with other CSR programmes, such as distributing *bubur lambuk*, rice and essential items to the needy."

He added that after Perlis, the Ikhlas Ramadan programme was scheduled to be held in Selangor and east coast states.

Agency to distribute RM1m free fish

BUKIT GANTANG: The Fisheries Development Authority of Malaysia has allocated RM1 million to distribute free frozen fish in all parliamentary constituencies to help people affected by the Covid-19 pandemic, said its chairman Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal. "We are giving away 1,000kg of fish for free because the government listens to the grievances of the people, who are having difficulties getting fish supplies. This morning (Saturday), we organised the Keluarga Malaysia Sales Programme and distributed 300kg of fish to residents, aside from holding an auction to sell expensive fish, like golden pomfrets, mackerels and sardines," he said at the Bukit Gantang Parliamentary Service Centre here on Saturday.

Bernama

Nelayan Vietnam guna modus operandi baharu curi ikan negara

Taktik licik menyamar kapal kargo

Oleh MOHD. AZLI ADLAN

KUALA TERENGGANU – Tembelang nelayan Vietnam yang menyamar sebagai kapal kargo untuk mencuri khazanah laut negara di perairan negeri ini terbongkar apabila dicekup sepasukan Maritim Malaysia (APMM) dalam beberapa operasi sejak awal Ramadan lalu.

Tindakan menyamar sebagai kapal kargo merupakan taktik terbaharu nelayan Vietnam yang berjaya dibongkar.

Pengarah Maritim Terengganu, Kepten Maritim Muhammad Sufi Mohd. Ramli berkata, ketika ditahan, telong bot mendakwa telah memohon permit untuk melalui perairan negara kononnya bagi mengangkut kargo seperti buah kelapa di pelabuhan Indonesia.

"Bagaimanapun, mereka disyaki menggunakan alaisan itu untuk menangkap ikan di perairan Terengganu dan Pahang.

"Pemeriksaan mendapati permohonan permit untuk melalui perairan kita itu juga masih belum diuluskan pun oleh agensi berkaitan," katanya kepada Kosmo.

Menurut Sufi, sejak awal Ramadan lalu, pihaknya telah menahan empat bot nelayan Vietnam yang menggunakan modus operandi sama di sekitar perairan Terengganu.

Tambahnya, terdapat lapan lagi bot nelayan Vietnam yang menggunakan taktik sama bagi menceroboh perairan negara tetapi masih terlepas.



DUA daripada empat bot nelayan Vietnam yang ditahan dalam operasi di sekitar perairan Terengganu baru-baru ini.

Saya percaya taktik menyamar sebagai bot kargo ini digunakan bukan sahaja untuk mengaburi APMM, malah agensi penguatkuasaan maritim negara asal mereka."

MUHAMMAD SUFFI MOHD. RAMLI



SEBAHAGIAN hasil laut yang ditrans dari nelayan Vietnam.



MUHAMMAD SUFFI

"Saya percaya taktik menyamar sebagai bot kargo ini digunakan bukan sahaja untuk mengaburi APMM, malah agensi penguatkuasaan maritim negara asal mereka.

"Ia disebabkan kerajaan negara itu sudah mula bertegas dan memberi respons terhadap isu mencuri hasil laut negara sejak awal tahun ini," katanya.

Muhammad Sufi berkata, tindakan tegas itu menyebabkan bot-bot nelayan Vietnam semakin sukar berbuat sesuka hati dan terpaksa mencari helah baharu untuk melepasi sempadan perairan antarabangsa.

Beliau berkata, APMM sebagai agensi bertanggungjawab mengawal perairan negara tidak akan mudah terpedaya dengan modus operandi terbahit.

"Kita akan terus menegatkan penguatkuasaan di perairan Pantai Timur terutama pada sepanjang bulan Ramadan dan Syawal ini," katanya.

Kesatuan Eropah kecam tindakan nelayan Vietnam

KUALA TERENGGANU – Tawke nelayan Vietnam makin tertekan ekoran tindakan tegas mula diambil kerajaan negara itu terhadap aktiviti pencerobohan ke perairan Malaysia yang sudah berlarutan sekian lama.

Pengarah Maritim Terengganu, Kepten Maritim Muhammad Sufi Mohd. Ramli berkata, ia menyebabkan mereka terpaksa mencari taktik baharu bagi melepasi kawalan pihak berkuasa Vietnam di sempadan antarabangsa.

Beliau berkata, kerajaan Vietnam mula bertegas berikutan bantahan tanpa jemu Malaysia termasuk disuarakan secara rasmi dalam lawatan rasmi Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob baru-baru ini.

"Perbuatan nelayan mereka mencuri hasil laut Malaysia juga mendapat kecaman antarabang-



SALAH sebuah bot nelayan Vietnam yang disyaki menyamar sebagai kapal kargo ketika melalui perairan negara kononnya untuk mengangkut kelapa di pelabuhan Indonesia.

sa terutama Kesatuan Eropah. "Mereka juga sedar 70 peratus daripada warga Vietnam ditahan

atas kesalahan ini gresen di negara ini adalah nelayan," katanya. Muhammad Sufi berkata,

ketegasan kerajaan Vietnam itu mula memampakkan kesannya apabila cuma tujuh bot nelayan

negara jiran itu yang ditahan sejak awal tahun ini berbanding 40 dalam tempoh sama pada 2021.

"Kita tidak pernah 'berehat' kerana nelayan Vietnam pasti mencari helah baharu kerana negara kita kaya dengan hasil laut," katanya.

Muhammad Sufi berkata, bioversiti di perairan Vietnam sudah semakin terjejas sekali gus menyebabkan ia kekurangan hasil laut ekoran perbuatan rakus nelayan negara itu yang menangkap ikan menggunakan pukat gading.

Jelas beliau, penggunaan pukat gading telah merosakkan terumbu karang yang menjadi habitat hidupan laut memblak.

"Sebab itu kita kena halang nelayan Vietnam menceroboh.

"Selain kehilangan hasil hampir RM5 bilion setahun, bioversiti dasar laut kita juga berisiko terjejas," katanya.

MMEA seizes 20 'bubu naga' fish traps in Perlis

KANGAR: The Malaysian Maritime Enforcement Agency (MMEA), Kuala Perlis Zone seized 20 units of "bubu naga" fish traps while on routine patrol as part of *Op Aman* on Saturday.

Kuala Perlis Maritime Zone director Maritime Commander

Mohd Hashim Mat Zain said the fish traps, which were about 10m long, were spotted upon investigating suspicious dark blue cloths floating on the water tied to wooden structures.

He added that the traps were detected at about 0.29 nautical miles

west of Kuala Perlis beach at Ipun.

"The *modus operandi* used was to tie the fish traps with long chains and place them under water with stone weights," he said in a statement yesterday.

Mohd Hashim said the seized items were estimated to be worth

RM2,400 and were brought to the Kuala Perlis Maritime jetty for further investigation under Section 11(3)(c) of Fisheries Act 1985.

The use of bubu naga was prohibited by the Fisheries Department since Nov 1, 2018, he added. - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/4/2022	SINAR HARIAN	ONLINE	

MARITIM ZON KUALA PERLIS RAMPAS 20 UNIT BUBU NAGA

| | 17 April 2022



Maritim Zon Kuala Perlis merampas 20 unit bubu naga yang diharamkan penggunaannya oleh Jabatan Perikanan Malaysia dalam rondaan Op Aman di sekitar perairan Kuala Perlis pada Sabtu. - Gambar hiasan

KANGAR - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Zon Kuala Perlis merampas 20 unit bubu naga yang diharamkan penggunaannya oleh Jabatan Perikanan Malaysia dalam rondaan Op Aman di sekitar perairan Kuala Perlis pada Sabtu.

Pengarah Zon Maritim Kuala Perlis Komander Maritim, Mohd Hashim Mat Zain berkata, pihaknya mengesan kedudukan bubu naga berkenaan selepas mengenal pasti kain biru gelap yang terapung dan mencurigakan di permukaan air yang diikat pada pacang-pacang kayu bagi dijadikan sebagai penanda.

Beliau berkata, semua bubu naga berukuran kira-kira 10 meter yang dianggar bernilai hampir RM2,400 itu dikesan pada kedudukan kira-kira 0.29 batu nautika daripada barat pantai Kuala Perlis sekitar jam 1 petang.

"Modus operandi yang digunakan adalah dengan mengikat bubu naga ini secara berangkai dan diletakkan beberapa ketulan batu sebagai pemberat," katanya menerusi satu satu kenyataan pada Ahad.

Tindakan boleh diambil bagi nelayan yang menggunakan kaedah ini untuk menangkap ikan di bawah Seksyen 11(3)(c) Akta Perikanan 1985, dengan pesalah boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM20,000 atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya. - Bernama